

**SYARAT PENCALONAN DAN KRITERIA PENILAIAN
ANUGERAH TOKOH PENERBITAN**

- (1) **Cadangan Nama Calon** - Terdiri daripada DUA kaedah, iaitu calon yang dicalonkan oleh rakan sekepakaran atau dicalonkan oleh fakulti/Kumpulan Penyelidikan Bersekutu (RA)/Centre of Excellence (COE).
- (2) **Staf yang pernah memenangi anugerah ini tidak layak untuk dicalonkan semula.**
- (3) **Ahli Panel Anugerah pada tahun semasa adalah tidak dibenarkan untuk dicalonkan.**
- (4) Bagi staf tetap UTM, penilaian berdasarkan kepada hasil kerja semasa di UTM sepanjang tempoh perkhidmatan tetap dan masih berkhidmat dalam tahun penganugerahan.
- (5) Bagi staf UTM kontrak, penilaian berdasarkan kepada hasil kerja semasa di UTM sepanjang tempoh perkhidmatan kontrak calon dan masih berkhidmat dalam tahun penganugerahan.
- (6) **Syarat Kelayakan Minimum Pencalonan** - Setiap pencalonan **MESTI** mempunyai sekurang-kurangnya dua buah buku penyelidikan ditulis secara individu atau berkumpulan DAN mempunyai satu item dalam setiap kategori 2, 3, 4 dan 5 dalam kriteria penilaian Anugerah Tokoh Penerbitan.
- (7) **Jumlah Penamaan Calon** - Jumlah pencalonan bagi Perkara (3) adalah tidak dihadkan.
- (8) **Tarikh Penyerahan Nama Calon** - Penyerahan nama calon (berserta Borang Penamaan Calon serta CV mengikut format yang telah disediakan dan dimuat turun daripada Portal Penerbit UTM Press) hendaklah dimelkan ke zalina-p@utm.my atau ainaosman@utm.my selaku Urus Setia sebelum atau pada **31 Mac 2022 (Khamis), pukul 3.30 petang**.
- (9) **Panel Anugerah Tokoh Penerbitan** akan menyenarai pendek calon yang layak berdasarkan CV masing-masing.
- (10) Calon yang telah disenarai pendek akan diminta untuk mengemelkan satu folder yang mengandungi Borang Pencalonan dan bahan bukti yang lengkap melalui *Google Drive* kepada pihak Urus Setia.
- (11) **Bahan Bukti** - Calon dikehendaki mengemukakan bahan bukti bagi setiap item.
- (12) **Susunan** - Bukti yang lengkap hendaklah disusun secara sistematik menggunakan nombor mengikut urutan kategori dan item seperti dalam borang pencalonan.
- (12) **Tarikh Tutup Pencalonan** - Pencalonan lengkap hendaklah dimelkan kepada Urus Setia sebelum atau pada **15 April 2022 (Jumaat), 5.00 petang**.
- (13) Pencalonan yang tidak mengikut syarat yang ditetapkan secara automatik terbatal.
- (14) Keputusan panel adalah **muktamad**.

KRITERIA PENILAIAN ANUGERAH TOKOH PENERBITAN

Kriteria Penilaian Anugerah Tokoh Penerbitan terdiri daripada **10 KATEGORI** seperti dinyatakan di bawah:

1. PENULISAN BUKU

- (a) Berindeks
 - (i) Buku Penyelidikan (100.0)
 - (ii) Monograf (75.0)
 - (iii) Karya Terjemahan (50.0)
- (b) Tidak berindeks
 - (i) Buku Penyelidikan (80.0)
 - (ii) Monograf (35.0)
 - (iii) Karya Terjemahan (25.0)

2. PENULISAN ARTIKEL/MAKALAH

- (a) Jurnal Berindeks
 - (i) Web of Science® (WOS)
 - Q1 (40.0)
 - Q2 (35.0)
 - Q3 (20.0)
 - Q4 (15.0)
 - (ii) SCOPUS dan Excellence in Research for Australia (ERA) (10.0)
 - (iii) Malaysian Citation Index (MyCite) (7.0)
- (b) Jurnal tidak Berindeks (5.0)
- (c) Bab dalam Buku
 - (i) Berindeks (20.0)
 - (ii) Tidak Berindeks (10.0)

3. ANUGERAH PENERBITAN

- (a) Antarabangsa (200.0)
- (b) Kebangsaan (100.0)
- (c) Universiti (50.0)

4. PENYUNTINGAN

- (a) Penyunting Naskhah
 - (i) Karya Suntingan (*Edited Volume*) (30.0)
 - (ii) Prosiding (20.0)
 - (i) Berindeks (20.0)
 - (ii) Tidak Berindeks (10.0)

5. PENULISAN PROSIDING

- (a) Berindeks (5.0)
- (b) Tidak Berindeks (3.0)

6. PENERBITAN KHUSUS

- (a) Polisi
 - (i) Kebangsaan (50.0)
 - (ii) Kerajaan Negeri/Agensi Kerajaan (30.0)
 - (iii) Universiti (10.0)
- (b) Buku Teks/Terbitan Khas
 - (i) Buku Teks (50.0)
 - (ii) Biografi (50.0)

- (iii) Memoir (50.0)
- (iv) Glosari/Istilah (50.0)
- (c) Standard (Piawaian) (20.0)
- (d) Karya Syarahan Perdana/Syarahan Umum (10.0)
- (e) Garis Panduan/Modul Pengajaran/Manual Reka Bentuk/Manual Pengguna (10.0)
- (f) Audio Visual (10.0)

7. PENULISAN POPULAR/UMUM

- (a) Makalah Entri Ensiklopedia (5.0)
- (b) Setiap makalah/keluaran dalam Akhbar (3.0)
- (c) Setiap makalah/keluaran dalam Majalah Ikhtisas (3.0)
- (d) Majalah Popular
 - (i) Popular Tinggi (2.0)
 - (ii) Popular Rendah (1.0)

8. PEWASITAN

- (a) Buku Karya Asli (20.0)
- (b) Makalah Jurnal
 - (i) Berindeks (10.0)
 - (ii) Tidak Berindeks (4.0)
- (c) Makalah Entri Ensiklopedia (2.0)

9. KEAHLIAN LEMBAGA EDITORIAL DAN KEAHLIAN JAWATANKUASA KHAS PENERBITAN

A. Lembaga Editorial

- (a) Berindeks
 - (i) Ketua (40.0)
 - (ii) Ahli (30.0)
- (b) Tidak Berindeks
 - (i) Ketua (20.0)
 - (ii) Ahli (10.0)

B. Jawatankuasa Khas Penerbitan

- (a) Antarabangsa
 - (i) Ketua (20.0)
 - (ii) Ahli (10.0)
- (b) Kebangsaan/Universiti/Fakulti
 - (i) Ketua (10.0)
 - (ii) Ahli (5.0)

10. SUMBANGAN LAIN PENERBITAN

Penceramah /Fasilitator/sumbangan lain berkaitan penerbitan (10.0)

SYARAT DAN PERATURAN PENCALONAN

1. PENULISAN BUKU

(a) BUKU PENYELIDIKAN (BAHASA MELAYU DAN BAHASA ASING)

- (i) Jenis Karya yang Layak Dicalonkan: Buku Penyelidikan terbitan Penerbit UTM Press atau penerbit luar* yang diterbitkan sehingga 31 Disember tahun yang dinilai.

- (ii) **Karya yang Tidak Layak Dicalonkan:** Karya yang diklasifikasikan sebagai cetakan awal, modul pembelajaran, buku mewah dan penerbitan sendiri.
- (iii) **Penulis Karya:** Karya yang dihasilkan oleh calon sama ada secara individu/bersama dengan penulis lain (di dalam atau di luar UTM).
- (iv) **Bahan Bukti Penyertaan:** Kemukakan salinan kulit bahagian depan buku, halaman kandungan, dan halaman hak cipta.
- (v) **Berindeks** membawa maksud buku penyelidikan yang diindeks oleh diindeks dalam Web of Science (WOS) atau SCOPUS.

(* *Penerbit Luar* ditakrifkan sebagai penerbit dalam negara yang menganggotai MAPIM/Persatuan Penerbit Buku Malaysia (*Malaysian Book Publishers Association* (MABOPA)/yang menganggotai Persatuan Penerbit Buku Bumiputra (*Bumiputra Book Publishers Association* (IKATAN)/pusat penyelidikan/badan profesional/badan bukan kerajaan dan termasuk penerbit antarabangsa yang melakukan proses penerbitan secara formal: melalui proses penilaian dan penyuntingan atau mempunyai lembaga editorial). Karya terbitan yang tidak melalui proses penerbitan secara formal tidak akan dipertimbangkan, contohnya Verlag Dr. Muller (VDM), Lambert Academic Publishing (LAP) dan Scholars Press.

(b) MONOGRAF

- (i) **Jenis Karya yang Layak Dicalonkan:** Monograf ditakrifkan sebagai sebarang bahan penulisan dalam bahasa Melayu/Malaysia atau bahasa Asing (bahasa Inggeris) yang dihasilkan daripada kerja penyelidikan dalam bidang khusus yang diterbitkan sehingga 31 Disember tahun yang dinilai oleh Penerbit UTM Press atau penerbit luar*.
- (ii) **Penerbitan monograf hendaklah mengikut proses penilaian formal.**
- (iii) **Penulis Karya:** Karya yang dihasilkan oleh calon sama ada secara individu/bersama dengan penulis lain (di dalam atau di luar UTM).
- (iv) **Bahan Bukti Penyertaan:** Kemukakan salinan kulit depan monograf, halaman kandungan, dan halaman hak cipta.

(* *Penerbit Luar* lihat takrifan dalam nota Perkara I(a)).

(c) KARYA TERJEMAHAN (BAHASA MELAYU DAN BAHASA ASING)

- (i) **Jenis Karya yang Layak Dicalonkan:** Karya terjemahan terbitan Penerbit UTM Press atau penerbit luar* yang diterbitkan sehingga 31 Disember tahun yang dinilai.
- (ii) **Penterjemah Karya:** Karya yang dihasilkan oleh calon sama ada secara individu/bersama dengan penterjemah lain (di dalam atau di luar UTM).
- (iii) **Bahan Bukti Penyertaan:** Kemukakan salinan kulit depan buku, halaman kandungan, dan halaman hak cipta.

(* *Penerbit Luar* lihat takrifan dalam nota Perkara I (a)).

2. PENULISAN ARTIKEL

(a) JURNAL BERINDEKS

Berindeks membawa maksud kertas kerja yang diindeks dalam Web of Science (WOS), SCOPUS, Excellence in Research for Australia (ERA) dan Malaysian Citation Index (MyCite).

(b) JURNAL TIDAK BERINDEKS

Tidak Berindeks membawa maksud kertas kerja yang tidak diindeks oleh Web of Science (WOS), SCOPUS, ERA dan Malaysian Citation Index (MyCite).

(i) **Penulis:** Karya staf UTM yang dihasilkan secara individu/bersama dengan penulis lain dalam jurnal berindeks/tidak berindeks yang berperanan sebagai penulis utama (*corresponding author*)/penulis pertama UTM (*first author UTM*) sahaja yang akan diambil kira.

(ii) **Tahun Terbitan Jurnal:** Jurnal yang diterbitkan sehingga 31 Disember tahun yang Dinilai.

(iii) **Bahan Bukti Penyertaan:** Bagi jurnal berindeks, bahan bukti hendaklah dikemukakan dalam bentuk paparan WOS/SCOPUS/ERA/MyCite atau *journal ranking* daripada pihak yang menyenaraikan paparan tersebut. Bagi jurnal tidak berindeks, kemukakan naskhah penuh makalah, salinan kulit bahagian depan, salinan halaman editorial jurnal dan alamat laman web penerbit jurnal (jika ada). Sekiranya jurnal tidak diperoleh dari naskhah salinan bercetak, bahan bukti bolehlah dikemukakan dalam bentuk salinan bercetak paparan laman web penerbit, halaman muka depan jurnal/halaman lembaga editorial.

(c) BAB DALAM BUKU

(i) **Jenis Karya yang Layak Dicalonkan:** Bab dalam Buku ditakrifkan karya ilmiah yang berbentuk bab yang disumbang sehingga terbitnya buku suntingan terbabit. Penerbitan genre ini mementingkan ciri keaslian karya dan proses penilaian mengikut standard yang telah ditetapkan yang diterbitkan sehingga 31 Disember tahun yang dinilai oleh Penerbit UTM Press atau penerbit luar*.

(ii) **Penulis Bab dalam Buku:** Seorang staf atau beberapa orang (di dalam atau di luar UTM) yang menghasilkan bab yang dimaksudkan dalam 2(c)(i).

(iii) **Bahan Bukti Penyertaan:** Kemukakan salinan kulit depan bab dalam buku, halaman hak cipta, dan halaman kandungan.

(vi) **Berindeks** membawa maksud bab dalam buku yang diindeks oleh diindeks dalam Web of Science (WOS) atau SCOPUS.

(iv) Tidak berindeks membawa bab dalam buku yang tidak diindeks oleh Web of Science (WOS) dan SCOPUS.

(* **Penerbit Luar** lihat takrifan dalam nota Perkara I(a)).

3. ANUGERAH PENERBITAN

(a) **Penerima & Tahun Terima** - Sebarang anugerah penerbitan yang diterima oleh calon sehingga 31 Disember tahun yang dinilai bagi peringkat antarabangsa, kebangsaan dan universiti.

- (b) **Bahan Bukti Penyertaan** - Kemukakan salinan sijil penganugerahan atau sebarang bahan bukti yang setara atau berkaitan.

4. PENYUNTINGAN

- (a) **Penyunting Naskhah** - Calon yang terlibat dalam kerja memperbaik (memperkemas) dan menyediakan karangan sebuah karya suntingan dan prosiding.
- (b) Calon yang melakukan kerja penyuntingan sama ada secara individu atau bersama dengan penyunting lain (di dalam atau di luar UTM).
- (c) **Kategori Penyuntingan:** Semua kerja penyuntingan (ke atas karya suntingan (Edited Volume) atau prosiding bagi Penerbit UTM Press atau penerbit luar yang telah dilakukan sehingga 31 Disember tahun yang dinilai.
- (d) **Bukti Penyertaan:** Kemukakan salinan surat penghargaan atau salinan surat pelantikan sebagai penyunting bagi kerja penyuntingan yang selesai dilaksanakan.

5. PENULISAN PROSIDING

- (a) **BERINDEKS**
Berindeks membawa maksud kertas kerja yang diindeks dalam WOS, SCOPUS, ERA dan Malaysian Citation Index (MyCite).
- (b) **TIDAK BERINDEKS**
Tidak Berindeks membawa maksud kertas kerja yang tidak diindeks selain daripada WOS, ERA, SCOPUS dan Malaysian Citation Index (MyCite).
- (c) **Penulis:** Karya staf UTM yang dihasilkan secara individu/bersama dengan penulis lain dalam jurnal berindeks/tidak berindeks yang berperanan sebagai penulis utama (*corresponding author*)/penulis pertama UTM (*first author UTM*) sahaja yang akan diambil kira.
(Nota: Bagi ‘kertas kerja jemputan’ akan diberikan markah tambahan (2 mata) dengan syarat bukti dikemukakan. Bukti yang dimaksudkan ialah salinan kertas kerja penuh dan surat jemputan daripada pengajur).
- (d) **Penyertaan:** Semua kertas kerja berindeks atau tidak berindeks yang dibentangkan dalam seminar/simposium/persidangan.
- (e) **Tahun Pembentangan:** Kertas kerja yang telah dibentangkan sehingga 31 Disember tahun yang dinilai.
- (f) **Bahan Bukti Penyertaan:** (i) Kemukakan prosiding lengkap, atau (ii) Jika tiada prosiding kemukakan perkara berikut: kemukakan kertas kerja penuh/lengkap serta salah satu bahan sokongan berikut: (a) Surat penerimaan pembentangan daripada pihak pengajur atau (b) Buku atur cara seminar/simposium/persidangan, atau (c) Buku abstrak seminar /simposium/persidangan.

6. PENERBITAN KHUSUS

- (a) **POLISI**

- (i) **Jenis Karya:** Polisi terbitan Penerbit UTM Press atau penerbit luar* yang diterbitkan sehingga 31 Disember tahun yang dinilai.
- (ii) **Penulis Polisi:** Polisi yang dihasilkan oleh calon sama ada secara individu/bersama dengan penulis lain (di dalam atau di luar UTM).
- (iii) **Bahan Bukti Penyertaan:** Kemukakan salinan kulit bahagian depan buku, halaman kandungan, dan halaman hak cipta.

(* *Penerbit Luar* lihat takrifan dalam nota Perkara I(a)(i)).

(b) BUKU TEKS/TERBITAN KHAS

- (i) **Jenis Karya:** Karya seperti Buku Teks, Biografi, Memoir dan Glosari/istilah terbitan Penerbit UTM Press atau penerbit luar* yang diterbitkan sehingga 31 Disember tahun yang dinilai.
- (ii) **Penulis Karya:** Buku teks atau terbitan khas yang dihasilkan oleh calon sama ada secara individu/bersama dengan penulis lain (di dalam atau di luar UTM).
- (iii) **Bahan Bukti Penyertaan:** Kemukakan salinan kulit bahagian depan buku, halaman kandungan, dan halaman hak cipta.

(* *Penerbit Luar* lihat takrifan dalam nota Perkara I(a)(i)).

(c) STANDARD (PIAWAIAN)

- (i) **Penulis Standard (Piawaian) Layak Dicalonkan:** Standard (Piawaian) yang dihasilkan oleh calon berkenaan sama ada secara individu/bersama dengan penulis lain (di dalam atau di luar UTM) yang diterbitkan sehingga 31 Disember tahun yang dinilai.
- (ii) **Penyertaan:** Semua Standard (Piawaian) yang telah diterbitkan di bawah naungan SIRIM atau badan profesional.
- (iii) **Bukti Penyertaan:** Kemukakan salinan kulit bahagian depan Standard (Piawaian), halaman hak cipta Standard (Piawaian) dan halaman penyumbang.

(d) KARYA SYARAHAN PERDANA/SYARAHAN UMUM

- (i) **Jenis Karya:** Karya Syaranan Perdana/Syarahan Umum terbitan Penerbit UTM Press atau penerbit luar* yang diterbitkan sehingga 31 Disember tahun yang dinilai.
- (ii) **Penulis Karya:** Karya Syaranan Perdana/Syarahan Umum yang dihasilkan oleh calon sama ada secara individu/bersama dengan penulis lain (di dalam atau di luar UTM).
- (iii) **Bahan Bukti Penyertaan:** Kemukakan salinan kulit bahagian depan buku, halaman kandungan, dan halaman hak cipta.

(* *Penerbit Luar* lihat takrifan dalam nota Perkara I(a)(i)).

(e) GARIS PANDUAN/MODUL PENGAJARAN/MANUAL REKA BENTUK/MANUAL PENGGUNA

- (i) **Jenis Karya:** Garis Panduan/Modul Pengajaran/Manual Reka Bentuk/Manual Pengguna terbitan Penerbit UTM Press atau penerbit luar* yang diterbitkan sehingga 31 Disember tahun yang dinilai.

(ii) **Penulis Karya:** Garis Panduan/ Modul Pengajaran/Manual Reka Bentuk/Manual Pengguna yang dihasilkan oleh calon sama ada secara individu/bersama dengan penulis lain (di dalam atau di luar UTM).

(iii) **Bahan Bukti Penyertaan:** Kemukakan salinan kulit bahagian depan buku, halaman kandungan, dan halaman hak cipta.

(* *Penerbit Luar* lihat takrifan dalam nota Perkara I(a)(i)).

(e) PENERBITAN AUDIO VISUAL

(i) **Jenis Penerbitan yang Layak Dicalonkan:** Penerbitan audio visual yang diterbitkan mengikut aturan penerbitan yang lazim dan diterbitkan sehingga 31 Disember tahun yang dinilai.

(ii) **Karya yang Tidak Layak Dicalonkan:** Audio visual yang diterbitkan sendiri yang tidak melalui proses penilaian, penyuntingan dan proses yang formal.

(iii) **Penulis Karya:** Penerbitan yang dihasilkan oleh calon berkenaan sama ada secara individu/bersama dengan penulis lain (di dalam atau di luar UTM).

(iv) **Bukti Penyertaan:** Kemukakan bahan dan pengesahan proses penilaian dan penyuntingan bahan.

(* *Penerbit Luar* lihat takrifan dalam nota Perkara I (a)(i)).

7. PENULISAN POPULAR/UMUM

(a) KOLUMN/RUANGAN AKHBAR

(i) **Penulis ruangan akhbar:** Tulisan/esei/makalah/ulasan/rencana yang dihasilkan oleh calon sama ada secara individu/bersama dengan penulis lain (di dalam atau di luar UTM) yang diterbitkan sehingga 31 Disember tahun yang dinilai.

(ii) **Penyertaan:** Semua tulisan/esei/makalah/ulasan/rencana yang disiarkan menerusi kolumn khas atau ruangan dalam sebarang akhbar.

(iii) **Bahan Bukti Penyertaan:** Kemukakan salinan kolumn/ruangan yang memuatkan tulisan/esei/makalah/ulasan/rencana berkaitan.

(b) MAKALAH DALAM MAJALAH IKHTISAS

(i) **Makalah dalam Majalah/ Buletin Ikhtisas/Profesional** - sumbangan calon berupa tulisan/rencana yang termuat dalam majalah/buletin ikhtisas/profesional (cth: Buletin IEM, IKM, Arkitek, Juruukur dan lain-lain).

(ii) **Penyertaan:** Semua tulisan/esei/makalah yang termuat dalam majalah/buletin ikhtisas/profesional yang diterbitkan sehingga 31 Disember tahun yang dinilai.

(iii) **Bahan Bukti Penyertaan:** Kemukakan salinan makalah/rencana penuh dan salinan halaman kulit depan majalah berkenaan.

(c) **MAJALAH POPULAR**

- (i) **Majalah Popular Tinggi** - Kategori majalah yang mengungkapkan aspek keilmuan bersifat ilmiah. Sebagai contoh Majalah DBP seperti *Dewan Masyarakat*, *Dewan Sastera*, *Dewan Budaya*, *Dewan Ekonomi* dan lain-lain.
- (ii) **Majalah Popular Rendah** - Kategori majalah bersifat separa ilmiah. Sebagai contoh *Dewan Siswa*, *Dewan Pelajar*, *Dewan Kosmik*, *Pelita Bahasa*, *i-Pelajar* dan lain-lain.
- (iii) **Penyertaan:** Semua tulisan/esei/makalah yang termuat dalam majalah Popular Tinggi dan Popular Rendah yang diterbitkan sehingga 31 Disember tahun yang dinilai.
- (iv) **Bahan Bukti Penyertaan:** Calon diminta mengemukakan salinan kolumn/ruangan yang memuatkan penulisan/esei/makalah/ulasan/rencana berkaitan.

(d) **MAKALAH ENTRI ENSIKLOPEDIA**

- (i) **Penulis Makalah Entri:** Makalah entri yang dihasilkan oleh calon sama ada secara individu/bersama dengan penulis lain (di dalam atau di luar UTM).
- (ii) **Penyertaan:** Semua makalah entri yang telah diterbitkan dalam ensiklopedia sama ada terbitan UTM-DBP atau ensiklopedia terbitan penerbit luar yang diterbitkan sehingga 31 Disember tahun yang dinilai.
- (iii) **Bahan Bukti Penyertaan:** Kemukakan salinan kulit bahagian hadapan, halaman hak cipta ensiklopedia, makalah entri yang berkaitan atau halaman penyumbang.

8. PEWASITAN

- (a) **Pewasit Karya:** Calon yang melakukan kerja pewasitan sama ada secara individu atau bersama (di dalam atau di luar UTM).
- (b) **Kategori Pewasitan:** Semua kerja penilaian karya asli terbitan Penerbit UTM Press atau penerbit luar*, makalah jurnal (berindeks atau tidak berindeks) dan makalah entri ensiklopedia terbitan Penerbit UTM Press dan penerbit luar yang telah dilakukan sehingga 31 Disember tahun yang dinilai.
- (c) **Bahan Bukti Penyertaan:** Kemukakan surat penghargaan, jika tiada kemukakan surat pelantikan sebagai penilai bagi penilaian yang selesai dilaksanakan.

(* *Penerbit Luar* lihat takrifan dalam nota Perkara I(a)).

9. KEAHLIAN LEMBAGA EDITORIAL DAN JAWATANKUASA KHAS PENERBITAN

(a) **LEMBAGA EDITORIAL**

- (i) **Keahlian:** Keahlian calon dalam mana-mana lembaga editorial jurnal berindeks atau tidak berindeks.
- (ii) **Penyertaan:** Keahlian calon dalam mana-mana lembaga editorial dalam jurnal berindeks atau tidak berindeks sehingga 31 Disember tahun yang dinilai layak dicalonkan.

(iii) **Bahan Bukti Penyertaan:** Kemukakan salinan surat pelantikan yang mengandungi tempoh lantikan atau halaman editorial jurnal berkaitan.

(b) **JAWATANKUASA KHAS PENERBITAN**

(i) **Keahlian:** Keahlian calon dalam mana-mana jawatankuasa seperti berikut:

- Jawatankuasa Ketua Pakar Bidang Projek EST UTM-DBP.
- Jawatankuasa Pakar Bidang Projek EST UTM-DBP.
- Jawatankuasa Peristilahan Peringkat Kebangsaan/Antarabangsa.
- Jawatankuasa Piawaian Peringkat Kebangsaan/Antarabangsa.
- Panel Hakim (sebarang aktiviti penerbitan) Peringkat Kebangsaan atau Antarabangsa.
- Jawatankuasa Penerbitan Peringkat Universiti/fakulti.
- Jawatankuasa Teknikal Penerbitan Persidangan.

(ii) **Penyertaan:** Keahlian calon dalam mana-mana jawatankuasa/panel hakim yang dinyatakan di atas sehingga 31 Disember tahun yang dinilai layak dicalonkan.

(iii) **Bahan Bukti Penyertaan:** Kemukakan salinan surat pelantikan.

10. SUMBANGAN LAIN PENERBITAN

PENCERAMAH/FASILITATOR/ SUMBANGAN LAIN BERKAITAN PENERBITAN

(a) **Calon yang layak:** Calon yang menyumbang khidmat sebagai penceramah atau fasilitator dalam sebarang bengkel/kursus/seminar yang berkaitan dengan penerbitan secara fizikal ataupun atas talian (*online*) online seperti webinar di dalam dan luar UTM sehingga 31 Disember tahun yang dinilai.

(b) **Bahan Bukti Penyertaan:** Kemukakan salinan surat pelantikan, jemputan/penghargaan.

PERINCIAN SKEMA PENILAIAN ANUGERAH TOKOH PENERBITAN

KAT	ITEM	ASPEK PENILAIAN	BUTIRAN MATA
I.	(a) BUKU PENYELIDIKAN/KARYA ASLI (i) Berindeks (ii) Tidak Berindeks	KUALITI (100.0 Mata) (80.0 Mata)	PENERBIT 50.0 Mata - Penerbit Luar Negara/Penerbit UTM/Dewan Bahasa & Pustaka 40.0 Mata - MAPIM 30.0 Mata - Lain-lain Penerbit/MABOPA KEPENGUNAAN <u>Teks / Rujukan / Kerja IPT</u> • 50.0 Mata - Buku Teks/Rujukan • 25.0 Mata - Buku Kerja <u>Teks / Rujukan Sekolah/Umum</u> • 12.5 Mata - Buku Teks/Rujukan
	(b) MONOGRAF (i) Berindeks (ii) Tidak Berindeks	KUALITI (75.0 Mata) (35.0 Mata)	PENERBIT 75.0 Mata - Luar Negara/ UTM/DBP 40.0 Mata - MAPIM 20.0 Mata - Lain-lain Penerbit/MABOPA
	(c) KARYA TERJEMAHAN (i) Berindeks (ii) Tidak Berindeks	KUALITI (50.0 Mata) (25.0 Mata)	PENERBIT 25.0 Mata - Penerbit UTM/ DBP/ITBM 12.5 Mata - Lain-lain Penerbit/ MAPIM/MABOPA KEPENGUNAAN <u>Teks / Rujukan IPT</u> • 25.0 Mata - Buku Teks/Rujukan <u>Teks / Rujukan Sekolah Menengah/Umum</u> • 7.5 Mata - Buku Teks/Rujukan
2.	(a) PENULISAN ARTIKEL/ MAKALAH DALAM JURNAL BERINDEKS * Bagi penulisan yang ditulis oleh penulis utama (<i>corresponding author</i>)/penulis pertama UTM (<i>first author UTM</i>) sahaja.	KUALITI (40.0 Mata)	(i) Web of Science® • Q1 (40.0 Mata) • Q2 (35.0 Mata) • Q3 (20.0 Mata) • Q4 (15.0 Mata) (ii) SCOPUS/ERA - 10.0 Mata (iii) MyCite - 7.0 Mata
	(b) PENULISAN ARTIKEL/MAKALAH DALAM JURNAL TIDAK BERINDEKS *Bagi penulisan yang ditulis oleh penulis utama (<i>corresponding author</i>)/penulis pertama UTM (<i>first author UTM</i>) sahaja.	KUALITI (5.0 Mata)	5.0 Mata - Diperoleh automatik
	(c) BAB DALAM BUKU (i) Berindeks (ii) Tidak Berindeks	KUALITI (7.0 Mata) (3.0 Mata)	PENERBIT 10.0 Mata - Penerbit UTM/DBP/Penerbit Luar Negara 5.0 Mata - Lain-lain Penerbit/MAPIM/MABOPA

			<p>KEPENGGUNAAN <u>Teks / Rujukan IPT</u> • 5.0 Mata - Buku Teks/Rujukan <u>Teks / Rujukan Sekolah Menengah/Umum</u> • 2.5 Mata - Buku Teks/Rujukan</p>
3.	ANUGERAH PENERBITAN	<p>KUALITI (200.0 Mata)</p> <p>KUALITI (100.0 Mata)</p> <p>KUALITI (50.0 Mata)</p>	<p>PERINGKAT <u>Antarabangsa</u> 200.0 Mata - Buku 30.0 Mata - Makalah 5.0 Mata - Kertas kerja 2.0 Mata - Poster</p> <p>Kebangsaan 100.0 Mata - Buku 15.0 Mata - Makalah 3.0 Mata - Kertas Kerja 1.0 Mata - Poster</p> <p>Universiti 50.0 Mata - Buku 7.5 Mata - Makalah 1.5 Mata - Kertas Kerja</p>
4.	PENYUNTINGAN	KUALITI (30.0 Mata)	<p>Penyunting Naskhah 30.0 Mata - Karya Suntingan (<i>Edited Volume</i>) 20.0 Mata - Prosiding (berindeks) 10.0 Mata- Prosiding (tidak berindeks)</p>
5.	(a) PENULISAN PROSIDING -BERINDEKS <u>PEMBENTANGAN / POSTER</u> *Bagi penulisan/pembentangan kertas kerja yang ditulis oleh penulis utama (<i>corresponding author</i>)/penulis pertama UTM (<i>first author UTM</i>) sahaja.	KUALITI (5.0 Mata)	5.0 Mata - Pembentangan 2.5 Mata - Poster
	(b) PENULISAN PROSIDING -TIDAK BERINDEKS <u>PEMBENTANGAN / POSTER</u> * Bagi penulisan/pembentangan kertas kerja yang ditulis oleh penulis utama (<i>corresponding author</i>)/penulis pertama UTM (<i>first author UTM</i>) sahaja.	KUALITI (3.0 Mata)	3.0 Mata - Pembentangan 1.5 Mata - Poster
6.	<p>PENERBITAN KHUSUS</p> <p>(a) Polisi</p> <p>(b) Buku Teks/Terbitan Khas</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Buku Teks (ii) Biografi (iii) Memoir 	<p>KUALITI (50.0 Mata)</p> <p>(50.0 Mata)</p> <p>(50.0 Mata)</p>	<ul style="list-style-type: none"> (i) Kebangsaan (50.0 Mata) (ii) Kerajaan Negeri/ Agensi Kerajaan (30.0 Mata) (iii) Universiti (10.0 Mata) <p>50.0 Mata</p> <p>50.0 Mata</p> <p>50.0 Mata</p>

	(iv) Glosari/Istilah (c) Standard Piawaian (d) Karya Syaraian Perdana/Syaraian Umum (e) Garis Panduan/Modul Pengajaran/Manual Reka bentuk/Manual Pengguna (f) Audio Visual	(50.0 Mata) (20.0 Mata) (10.0 Mata) (10.0 Mata) (10.0 Mata)	50.0 Mata 20.0 Mata 10.0 Mata 10.0 Mata 10.0 Mata
7.	PENULISAN POPULAR/UMUM (a) Setiap makalah dalam akhbar	KUALITI (3.0 Mata)	3.0 Mata
	(b) Setiap makalah/keluaran dalam majalah ikhtisas	KUALITI (3.0 Mata)	3.0 Mata
	(c) Majalah Popular (i) Popular Tinggi (ii) Popular Rendah	KUALITI (2.0 Mata) (1.0 Mata)	2.0 Mata 1.0 Mata
	(d) Makalah Entri Ensiklopedia	KUALITI (5.0 Mata)	<u>INDIVIDU</u> 5.0 Mata - Kategori 1 3.0 Mata - Kategori 2 1.0 Mata - Kategori 3 <u>KUMPULAN</u> 5.0 Mata - Kategori 1 . . . 5.0/n 3.0 Mata - Kategori 2 . . . 3.0/n 1.0 Mata - Kategori 3 . . . 1.0/n
8.	PEWASITAN	KUALITI (20.0 Mata)	JENIS KARYA 20.0 Mata - Buku Karya Asli 10.0 Mata - Makalah/Artikel Jurnal Berindeks 4.0 Mata - Makalah/artikel tidak berindeks 2.0 Mata - Kata Masukan/entri Ensiklopedia
9.	KEAHlian LEMBAGA EDITORIAL	KUALITI (40.0 Mata)	(a) <u>Berindeks</u> (i) Ketua (40.0 Mata) (ii) Ahli (30.0 Mata) (b) <u>Tidak Berindeks</u> (i) Ketua (20.0 Mata) (ii) Ahli (10.0 Mata)
	KEAHlian JAWATANKUASA KHAS PENERBITAN	KUALITI (20.0 Mata)	(a) <u>Antarabangsa</u> (i) Ketua (20.0 Mata) (ii) Ahli (10.0 Mata) (b) <u>Kebangsaan/Universiti/Fakulti</u> (i) Ketua (10.0 Mata) (ii) Ahli (5.0 Mata)
10.	SUMBANGAN LAIN PENERBITAN Penceramah/Fasilitator/sumbangan lain yang berkaitan penerbitan.	KUALITI (10 Mata)	10.0 Mata

NOTA:

Calon hendaklah memperoleh sekurang-kurangnya 70% bagi keseluruhan kategori 1-5.

